

PM nasihat rakyat

UM 3 1 JAN 2003

KUALA LUMPUR 30 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengajak rakyat mula berbelanja secara bijak dan berhati-hati bagi memastikan ekonomi negara terus sihat dalam menghadapi kemungkinan perang meletus di Iraq.

Perdana Menteri berkata, kerajaan bimbang cadangan Amerika Syarikat untuk menyerang Iraq akan meninggalkan kesan buruk kepada ekonomi negara.

Beliau berkata: “Memandangkan kemungkinan peperangan berlaku di Iraq, kita telah mengkaji kemungkinan-kemungkinan dan menentukan senario-senario tertentu akan kesan ketegangan di Iraq.”

Dr. Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO, di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

“Dengan cara ini (berhati-hati ketika berbe-

bijak berbelanja

lanja) kita berharap ekonomi negara kita, kewangan negara kita akan terus sihat,” kata beliau.

Menurut beliau, Malaysia bersyukur kerana dapat memelihara ekonomi negara yang dijangka mencapai pertumbuhan empat peratus.

Beliau berkata, ia merupakan satu perkara yang baik memandangkan pada tahun lalu banyak negara lain menghadapi pertumbuhan ekonomi meleset.

Selain itu, katanya, banyak peristiwa yang berlaku seperti kejadian pengeboman di Bali.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan berharap ekonomi negara akan terus tumbuh dengan baik pada tahun ini.

Malaysia mula melaksanakan dasar ekonomi berkembang sejak tahun 1998 bagi menghadapi krisis mata wang 1997.

Dasar ekonomi berkembang itu membantu Malaysia mencatat pertumbuhan yang menggalakkan sehingga tahun lalu.